



LEMBAGA PENGARAH
BOARD OF DIRECTORS

Rujukan Kami : UPM.500-1/1/5 (Luaran)

Tarikh : **30** April 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Profesor Dato'/Profesor/Tuan/Puan,

IKLAN PENGISIAN JAWATAN BURSAR DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas berkaitan pengisian jawatan Bursar di Universiti Putra Malaysia.

2. Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan ini ingin mempelawa semua individu yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan Bursar, UPM.

3. Bersama-sama ini dilampirkan borang permohonan berserta syarat permohonan calon dan ringkasan tugas jawatan Bursar yang telah ditetapkan berdasarkan Statut UPM. Untuk makluman YBhg. Profesor Dato'/Profesor/Tuan/Puan, tarikh tutup permohonan adalah pada **28 Mei 2021**.

4. Sekiranya pihak YBhg. Profesor Dato'/Profesor/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila berhubung dengan Encik Norazlan bin Mohammed/ Cik Syazaliyana binti Samsudin Bahagian Governan dan Integriti di talian 03-9769 1434. Kerjasama dari pihak YBhg. Profesor Dato'/Profesor/Tuan/Puan untuk memanjangkan hebahan ini kepada semua pihak dan individu berkelayakan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian untuk perhatian dan tindakan YBhg. Profesor Dato'/Profesor/Tuan/Puan selanjutnya.

“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAZAM BIN MANSOR)

Pendaftar/Setiausaha
Lembaga Pengarah Universiti
Universiti Putra Malaysia

s.k Naib Canselor Universiti Putra Malaysia



PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN CALON LUAR YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN BURSAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA. MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

BURSAR GRED UTAMA C (VU7)

Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Taraf Lantikan	:	Kontrak/ Pertukaran Sementara/ Peminjaman
Tempoh Lantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (LPU).
Gaji dan Imbuhan	:	Gaji permulaan dan Imbuhan adalah setara dengan Gred Utama C (VU7) yang akan dipertimbangkan mengikut peraturan semasa.

Syarat Permohonan

1. Calon adalah dari warganegara Malaysia.
2. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Perakaunan dan Kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
3. Berpengalaman luas sekurang-kurangnya 15 tahun dalam pengurusan perakaunan dan penjanaan kewangan. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman di institusi pengajian tinggi dan industri serta mele过asi tahap penilaian yang ditetapkan oleh Universiti.
4. Akauntan bertauliah atau kelayakan profesional serta berdaftar sebagai Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) adalah diberi keutamaan.

Ringkasan Tugas

Menjadi Ketua Pegawai Kewangan (CFO) yang hendaklah menguruskan hal ehwal kewangan Universiti, menjadi ketua Pejabat Bursar, memberi nasihat dan membantu Naib Canselor dalam perencanaan kewangan yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti, terlibat dalam aktiviti penjanaan pendapatan Universiti dan menjadi *custodian* kepada aset dan rekod kewangan Universiti dan menjalankan tugas-tugas serta fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

Bursar bertanggungjawab dan melapor kepada Naib Canselor dan Lembaga Pengarah Universiti

Cara Memohon

1. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan **borang yang disediakan** berserta **CV yang lengkap** termasuk pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
2. Borang permohonan dan CV perlu dihantar secara **Soft Copy** dan **Hard Copy** untuk urusan saringan.
3. Permohonan yang lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.
4. Semua Permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **28 Mei 2021** di alamat berikut:

Hard Copy: Bahagian Governan dan Integriti Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR
(u.p: Encik Norazlan bin Mohammed)

Soft Copy: kb_bgi@upm.edu.my /
syazaliyana@upm.edu.my

5. Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Norazlan bin Mohammed /
Cik Syazaliyana Samsudin
Telefon: 03-9769 1434

Maklum Balas

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.



PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN CALON LUAR YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN BURSAR. MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

BURSAR GRED UTAMA C (VU7)

- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi.
- Taraf Lantikan : Kontrak/ Pertukaran Sementara/ Peminjaman.
- Tempoh Lantikan : Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (LPU).
- Gaji dan Imbuhan : Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama C (VU7) yang akan dipertimbangkan mengikut peraturan semasa.

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon adalah dari warganegara Malaysia.
- 2) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang perakaunan dan kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 3) Berpengalaman luas sekurang-kurangnya 15 tahun dalam pengurusan perakaunan dan penjanaan kewangan.
- 4) Mempunyai pengalaman di institusi pengajian tinggi dan industri serta melepassi tahap penilaian yang ditetapkan oleh Universiti.
- 5) Akauntan bertauliah atau kelayakan profesional serta berdaftar sebagai Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) adalah diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

Menjadi Ketua Pegawai Kewangan (CFO) yang hendaklah menguruskan hal ehwal kewangan Universiti, menjadi ketua Pejabat Bursar, memberi nasihat dan membantu Naib Canselor dalam perencanaan kewangan yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti. Matlamatnya ialah supaya UPM akan berjaya menjadi Universiti Penyelidikan yang cemerlang, berdaya saing dan mampu menjadi sebuah universiti tersenarai dalam Top 100 terbaik Penarafan Universiti Dunia (*World University Ranking*) dalam jangka masa lima tahun.

Terlibat dalam aktiviti penjanaan pendapatan Universiti dan menjadi custodian kepada aset dan rekod kewangan Universiti dan menjalankan tugas-tugas serta fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa. **Bursar bertanggungjawab dan melapor kepada Naib Canselor dan Lembaga Pengarah Universiti.**

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh di buat dengan mengemukakan **borang yang disediakan** berserta **CV yang lengkap** dengan maklumat termasuk pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
- 2) Borang permohonan dan CV perlu dihantar secara **Soft Copy** dan **Hard Copy** untuk urusan saringan.
- 3) Semua Permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **28 Mei 2021** di alamat berikut:

Hard Copy: Bahagian Governan dan Integriti
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR
(u.p: Encik Norazlan bin Mohammed)

Soft Copy: kb_bgi@upm.edu.my / syazaliyana@upm.edu.my

- 4) Permohonan yang lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.
- 5) Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Norazlan bin Mohammed / Cik Syazaliyana Samsudin
Telefon: 03-9769 1434

MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa enam **(6) bulan** dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Pejabat Naib Canselor
UPM